

# Calon digugurkan untuk uji semangat

31 JUL 1986

TAIPING, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata calon-calon Barisan Nasional (BN) yang digugurkan atau tidak dipilih dalam pilihanraya kali ini adalah kerana hendak menguji sikap dan semangat mereka terhadap parti.

Beliau berkata, pemilihan muka-muka baru sebagai calon BN dalam setiap pilihanraya adalah untuk menguji ketahanan dan taat setia mereka terhadap pucuk pimpinan parti.

Katanya, pada setiap pilihanraya gelagat atau sikap calon-calon BN yang digugurkan atau tidak dipilih diperhatikan dan sehingga ini semangat mereka itu terhadap parti tidak perlu

disangsikan dan menjadi kebanggaan.

Perdana Menteri menegaskan, masalah calon-calon BN yang digugurkan atau tidak dipilih tidak penting kerana yang paling diutamakan ialah kemenangan parti.

Menurut beliau, berdasarkan penelitiannya selama ini beliau pasti mereka yang terbabit sudah bekerja keras untuk kemenangan parti.

"Kita (ahli-ahli BN) tidak ada iri hati dan tidak ada yang mahu menjadi calon bebas semata-mata kerana tidak mendapat tempat ataupun digugurkan sebagai calon.

"Kita tidak buat cara itu. Dan kalau ada yang melakukannya mereka akan disingkirkan. Teta-

pi jarang sekali kita dapati calon BN yang kecewa melompat menjadi calon bebas," tegas beliau.

Tetapi sebaliknya mereka itu rela bekerjasama untuk menjayakan calon BN di mana-mana tempat juga, tambahnya lagi.

Perdana Menteri berkata, ada seorang wakil rakyat di Kedah yang hanya baru dua tahun setengah sahaja berkhidmat, tetapi dia tidak marah apabila digugurkan.

"Dia tidak geram ataupun marah. Sebaliknya dia menjadi wakil kepada calon baru di kawasan itu. Tidak ada rasa iri hati di kalangan kita," ujar beliau.